

VOKER FILM COATED TABLET

Famotidine (20mg, 40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VOKER FILM COATED TABLET
2. Bagaimana VOKER FILM COATED TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan VOKER FILM COATED TABLET
4. Cara menggunakan VOKER FILM COATED TABLET
5. Semasa menggunakan VOKER FILM COATED TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VOKER FILM COATED TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan VOKER FILM COATED TABLET

Ia digunakan untuk merawat ulser (luka pada lapisan dalam perut atau usus kecil), *reflux oesophagitis* (keradangan pada saluran esofagus disebabkan regurgitasi asid perut) dan *Zollinger-Ellison Syndrome* (keadaan di mana perut menghasilkan terlalu banyak asid).

Bagaimana VOKER FILM COATED TABLET berfungsi

Famotidine merupakan penghalang histamin H₂. Ia berfungsi untuk mengurangkan penghasilan asid dalam perut.

Sebelum menggunakan VOKER FILM COATED TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

VOKER FILM COATED TABLET tidak boleh diambil jika anda sensitif kepada ingredient dalam ubat ini.

Respon gejala terhadap terapi Famotidine tidak mengecualikan kehadiran kanser gastrik.

-Sebelum mula menggunakan VOKER FILM COATED TABLET

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan VOKER FILM COATED TABLET bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan VOKER FILM COATED TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Ulser duodenum dan ulser gastrik benigna: Permulaan dos ambil 40mg sebelum tidur selama 4 hingga 8 minggu.

Pengekalan: 20mg sebelum tidur.

Sindrom *Zollinger-Ellison*: Permulaan ambil 20mg setiap 6 jam; maximum 800mg sehari. *Reflux esophagitis*: 20mg hingga 40mg 2 kali sehari selama 6 hingga 12 minggu.

Penyelarasan dos diperlukan pada orang yang ada masalah buah pinggang sederhana hingga serius.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor anda atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

VOKER FILM COATED TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Tanda-tanda keracunan termasuk muntah, kegelisahan, degupan jantung yang laju, dan pengsan.

Semasa menggunakan VOKER FILM COATED TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos ubat tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk orang yang menghadapi sakit buah pinggang yang teruk, dos perlu dikurangkan kepada 20mg pada waktu malam terutamanya bagi warga emas. Kajian penggunaan bagi wanita yang mengandung, menyusukan anak dan kanak-kanak masih belum dikenalpasti akan keselamatannya.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang berlaku dengan penggunaan VOKER FILM COATED TABLET adalah gangguan perut dan usus seperti sembelit, cirit birit, sakit abdomen, sakit kepala, pening, debaran jantung laju dan tidak normal, masalah pernafasan, demam, keletihan, kulit kering, jerawat, deringan dalam telinga, dan gangguan rasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan VOKER FILM COATED TABLET

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan..

-Pelupusan

VOKER FILM COATED TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

VOKER FILM COATED TABLET 20MG:

Tablet bersalut film berbentuk empat segi berwarna jingga.

VOKER FILM COATED TABLET 40MG:

Tablet bersalut film berwarna jingga, sebelah bahagian ada skor.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Famotidine

-Bahan tidak aktif
Microcrystalline Cellulose
Corn Starch
Sodium Starch Glycolate
Talc
Magnesium Stearate
Polyethylene Glycol
Sunset Yellow
Dimethicone
Isopropyl Alcohol

-Nombor MAL

VOKER FILM COATED TABLET 20MG:
MAL19990265A

VOKER FILM COATED TABLET 40MG:
MAL19990266A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)150216/00031